

The Uber logo consists of a solid black square with the word "UBER" written in white, uppercase, sans-serif font in the center.

UBER

Buku Panduan Rakan Pemandu 101

Malaysia: Edisi 2017





Prakata

Selamat datang ke Uber! Buku kecil ini ditulis khusus untuk rakan pemandu yang mempunyai hanya sedikit atau tiada pengalaman langsung dalam menggunakan aplikasi Uber Driver. Buku kecil ini berperanan memberikan gambaran keseluruhan secara meluas berkaitan dengan fungsi utama app Driver, dan juga beberapa tip asas tentang cara menggunakannya.

Semua usaha yang sewajarnya telah dilakukan untuk memastikan bahawa dokumen ini merupakan gambaran yang tepat tentang kefungsi app Uber Driver. Memandangkan dokumen ini akan terus mengalami perkembangan pada peringkat yang berbeza, sedikit ketidakkonsistenan atau ketidaktekalan mungkin berlaku dan kami akan memastikan bahawa suatu pengemaskinian akan diberikan dengan segera. Kami juga amat menghargai apa-apa maklum balas tentang bagaimana kami dapat membuat penambahbaikan terhadap buku kecil ini.

Telefon kami di **1800-818-459** atau kunjungi kami di **help.uber.com**


Jadual Kandungan

App Uber Driver	3
Pemasangan	
Mengatasi masalah	
Navigasi App	4
Ciri-ciri App	8
Komponen App	12
Utama	
Pendapatan	
Penarafan	
Akaun	
Bayaran	17
Insentif Rakan Pemandu	18
Tip Keselamatan	20
Sokongan	21
Hubungi Kami	
Menambah/menukar kenderaan	
Pengemaskinian butiran perbankan	
Soalan Lazim	24


App Uber Driver

Pemasangan

LANGKAH PERTAMA



LANGKAH KEDUA



MENGATASI MASALAH (TROUBLESHOOTING)

DATA MUDAH ALIH (MOBILE DATA) DAN KHIDMAT LOKASI (LOCATION SERVICES)

- Pastikan data mudah alih dan khidmat lokasi dihidupkan dan telefon anda berupaya mengesan lokasi anda

MULAKAN SEMULA PERANTI ANDA

- Pasang dan tutup peranti anda
- Muat semula app Uber Driver


KEMASKINIKAN APP ANDA

- Anda hendaklah sentiasa memastikan app Uber Driver anda adalah terkini untuk memastikan penggunaan yang terbaik

PENGGUNA ANDROID

- Jika app Uber anda tidak dapat menentukan lokasi anda, pastikan bahawa Google Maps dan Google services anda telah dikemas kini.


Cara menggunakan app Uber Driver



LANGKAH 1: MENDAFTAR (SIGNING IN)

- a. Gunakan nama pengguna tetapan (default) atau alamat e-mel yang berdaftar dengan Uber

Pastikan anda mengambil imej 'head-shot'(dari atas kepala hingga dada) diri anda yang jelas sebelum anda mula melayari Internet




LANGKAH 2: MENERIMA PERMINTAAN

- a. Permintaan akan berakhir selepas 15 saat
* Tekan mana-mana tempat pada skrin untuk menerima permintaan



LANGKAH 3:

MEMULAKAN PERJALANAN



- a. Lokasi pengambilan penumpang
- b. Mulakan navigasi (rujuk di bawah untuk mengetahui lebih lanjut) ke arah lokasi pengambilan
- Waze/ Google maps
- c. Untuk menghubungi penumpang/membatalkan perjalanan serta mendapatkan maklumat tentang arahan pengambilan dan penurunan penumpang
- d. Tekan gelangsar (slide) untuk memulakan perjalanan

TIP PRO: Mulakan perjalanan hanya apabila penumpang sudah menaiki kenderaan anda




***PENYEDIA NAVIGASI**

Boleh ditukarkan melalui tetapan (settings) app anda di bawah "Account" Settings -> Navigation -> Pilih navigasi tetapan (default) anda bagi kegunaan semasa melakukan perjalanan


(Pasang Waze/Google Maps pada peranti jika belum ada)

Cara menggunakan app Uber Driver



LANGKAH 4: MENGHUBUNGI PENUMPANG DAN MEMBATALKAN PERJALANAN


- a. Untuk menelefon/mengirimkan mesej kepada penumpang jika anda tidak pasti tentang lokasi mereka
- b. Untuk membatalkan perjalanan di bawah keadaan yang tertentu
- c. Untuk menghentikan permintaan baharu seterusnya daripada masuk (rujuk hlm. 8, Hentikan permintaan baharu untuk maklumat lebih lanjut)



LANGKAH 5: MENYELESAIKAN PERJALANAN

- a. Anda hanya 'swipe' apabila anda sudah menyelesaikan perjalanan

TIP PRO:
'Swipe' untuk menyelesaikan perjalanan sebaik-baiknya sebelum penumpang keluar meninggalkan kenderaan




**LANGKAH 5:
PERJALANAN TUNAI
DAN PENGUMPULAN TUNAI**

Penumpang mempunyai pilihan untuk membayar secara tunai. Apabila skrin memancarkan warna hijau, perjalanan itu ialah perjalanan tunai.

Ambil hanya jumlah sebenar yang tertera pada skrin.

Jika nombor yang tertera ialah RM0.00, jangan ambil wang tunai, kami akan membayar balik tambang tersebut semasa kitaran bayaran yang seterusnya.




**LANGKAH 6:
MEMBERIKAN PENARAFAN KEPADA
PENUMPANG**

Berikan penarafan kepada penumpang anda berdasarkan pengalaman perjalanan anda. Ini akan memastikan kualiti pengalaman pemanduan penumpang dan juga pemandu dapat dikekalkan.

★ -> Lemah

★★★★★ -> Cemerlang


Ciri-ciri App



MENGHENTIKAN PERMOHONAN BAHARU

Direka khusus untuk membolehkan rakan pemandu berhenti seketika selepas menyelesaikan perjalanan.


Tiada permintaan perjalanan baharu lagi akan diterima.




DESTINASI PEMANDU

Anda mungkin menerima permintaan perjalanan dengan penumpang ingin bergerak menuju arah yang sama dengan destinasi anda yang telah ditetapkan, sekaligus membolehkan anda meraih pendapatan walaupun dalam perjalanan pulang ke rumah.

Nota: Perjalanan berdasarkan Destinasi Pemandu tidak akan diambil kira apabila menentukan insentif. Ciri ini hanya boleh digunakan dua kali sehari.



MENERIMA PERMINTAAN



PERMINTAAN BAHARU KETIKA MASIH DALAM PERJALANAN


PERMINTAAN BAHARU KETIKA MASIH DALAM PERJALANAN

MENERIMA PERMINTAAN SEBAIK SAHAJA PERJALANAN DISELESAIKAN


Anda mungkin berdepan dengan masa terbiar (idle time) dan pembaziran penggunaan minyak apabila menunggu permintaan perjalanan yang kedua.

MENERIMA PERMINTAAN KETIKA MASIH DALAM PERJALANAN

Permintaan perjalanan kedua akan diterima daripada penumpang yang berdekatan sebelum anda menyelesaikan perjalanan semasa anda. Ini akan membantu menghindarkan masa terbiar dan pembaziran penggunaan minyak.



AKAUN
MAKLUMAT



MENDAPATKAN
BANTUAN

MENDAPATKAN BANTUAN

SOKONGAN BUAT ANDA BILA-BILA SAHAJA ANDA MEMERLUKANNYA



Dalam apa juga keadaan, kami sentiasa berada di sini untuk membantu anda. Pergi ke a. ACCOUNT dan pilih b. Help untuk apa-apa bantuan yang diperlukan. Sebaik sahaja anda melaporkan suatu masalah, seseorang daripada pasukan sokongan kami akan menghubungi anda dalam tempoh 24 jam.

MEMBUAT PANGGILAN HOTLINE SOKONGAN


Jika anda memilih untuk bercakap secara terus dengan kami, anda sentiasa boleh membuat panggilan kepada kami di 1800-818-459. Talian adalah terbuka dari Isnin hingga Ahad, dari jam 9 pagi (am) hingga 6 petang.

TIP PRO

PENUMPANG SEMASA

-  Jelaskan kepada penumpang jika terdapat berbilang perhentian,
 - Gunakan ciri Stop new request (Hentikan permintaan baharu) untuk menghalang permintaan yang hendak masuk (incoming requests)
 - Mengingatkan penumpang untuk bertukar kepada destinasi kedua mereka sebelum mereka tiba di destinasi pertama untuk mengelakkan permintaan baharu daripada masuk
-  Minta penumpang mengubah destinasi sebelum tiba di destinasi awal dengan santun, sekali gus mengelakkan pengiraan tambang yang salah dan penerimaan permintaan ketika masih berada dalam suatu perjalanan.


PENUMPANG BAHARU

-  Sebaik sahaja suatu permintaan perjalanan telah diterima, jika anda tidak berupaya untuk sampai tepat pada masanya, penumpang akan menghargai anda jika anda menelefon mereka untuk memaklumkan hal tersebut. Ini akan mengelakkan mereka daripada terpaksa menunggu dengan masa yang lebih lama.


KADAR PENERIMAAN (ACCEPTANCE RATE, AR)

-  Semua permintaan perjalanan akan dikira dalam kadar penerimaan anda.

MENGHENTIKAN PERMINTAAN BAHARU

-  Untuk digunakan jika anda ingin berhenti berehat seketika atau semasa perjalanan yang mempunyai berbilang perhentian, sekali gus menghalang kemasukan sebarang permintaan baharu.

Komponen App Uber Driver



a. HOME (UTAMA)

- App update (Kemas kini App)
- Surge and Boost zones (Zon Pusuan dan Rangsangan)
- Messages (Mesej)
- Feedback (Maklum balas)

b. EARNINGS (PENDAPATAN)

- Estimated payout (Anggaran bayaran)
- Promotions (Promosi)
- Invites (Undangan)
- Trip history (Sejarah perjalanan)
- Payment statement (Penyata bayaran)

c. RATINGS (PENARAFAN)

- Current ratings (Penarafan semasa)
- Rider feedbacks (Maklum balas penumpang)
- Pro tips (Tip pro)

d. ACCOUNT (AKAUN)

- Change of vehicle (Pertukaran kenderaan)
- Help (Bantuan)
- Documents (Dokumen)
- Settings (Tetapan)

a. Tab HOME (UTAMA)

KEMAS KINI DAN MAKLUMAT TERKINI & MENARIK

- Promosi dan rujukan
- Pusingan, rangsangan dan cara mudah carian (quest short-cuts)
- Maklum balas, penghargaan/pencapaian, mesej sokongan dan peringatan

Minta penumpang agar menukar destinasi sebelum tiba di destinasi awal dengan santun untuk mengelakkan pengiraan tambang yang salah dan juga penerimaan permintaan sewaktu anda masih berada dalam sesuatu perjalanan.

b. Tab EARNINGS (PENDAPATAN)

Anda boleh menjejak pendapatan harian mengikut perjalanan, hari atau minggu.

Pendapatan yang ditunjukkan di app ialah jumlah anggaran. Sila rujuk penyata bayaran (papan pemuka dalam talian/online dashboard) bagi mendapatkan ringkasan pendapatan sebenar yang sebenar.

Promotions (Promosi)

- Menunjukkan insentif Boost & Quest semasa/akan datang
- Jejak proses insentif anda dalam masa nyata (real-time)

BOOST

- Tiada keperluan minimum
- Tiada fi perkhidmatan
- Raih pendapatan insentif setiap perjalanan

QUEST

- Pengesanan masa nyata dengan bar kemajuan dalam app
- Semak keperluan dan pendapatan secara serta-merta

Sejarah Perjalanan

- Lihat semula semua perjalanan anda yang telah diselesaikan sebelum ini.
- Jika anda mendapati mana-mana perjalanan tertentu yang tidak dapat ditemukan, semak semula sekali lagi 24-48 jam kemudian

c. Tab RATINGS (PENARAFAN)

Dapatkan penarafan dan maklum balas penumpang daripada perjalanan anda

- Semua rakan pemandu Uber bermula dengan penarafan 5 bintang
- Anda hendaklah mengekalkan sekurang- kurangnya penarafan 4.4 bintang

TIP PRO



TELEFON/MESEJ PENUMPANG

Ini akan mempertingkatkan khidmat pengambilan penumpang, sekali gus mengelakkan penumpang daripada mengalami kelewatan



ALU-ALUKAN PENUMPANG DENGAN UCAPAN

Ucapan “Hello”, “Silakan”, “Selamat Datang” & “Have a nice day” akan memberikan kesan positif yang besar



KENAL PASTI PENUMPANG ANDA

Sahkan penumpang anda, semak destinasi dan tanyakan arah perjalanan yang lebih disukai oleh penumpang



MULAKAN/LENGKAPKAN PERJALANAN TEPAT PADA MASANYA

Untuk mengelakkan salah faham dan pengiraan tambang yang salah



BERIKAN KESELESAAN

Laraskan bunyi radio ketika penumpang sedang berbual. Tawarkan bantuan anda untuk mengangkat item yang berat/besar jika anda berupaya berbuat demikian.



TANGGAPAN

Kebersihan kereta: Semburkan penyegar udara tingkap apabila keadaan memerlukan. Elakkan penyegar udara yang mempunyai bau yang kuat.

ELAKKAN



MEMECAHKAN PERJALANAN ANDA

Berbilang perhentian dibenarkan hanya untuk uberX dan dikira sebagai SATU perjalanan lengkap.



BERKONGSI AKAUN UBER ANDA

Setiap individu hendaklah memiliki akaun Uber masing-masing dan mengaktifkan sendiri akaun tersebut.



MENGAMBIL PENUMPANG YANG MEMBUAT PANGGILAN

Apabila memandu dengan Uber, anda tidak harus mengambil penumpang di jalanan. Hanya perjalanan yang dipadankan melalui app Uber Driver dibenarkan.



MEMBAWA ORANG LAIN DALAM KERETA ANDA

Elakkan membawa bersama ahli keluarga/kawan dalam kereta anda ketika anda berada dalam talian app Uber Driver.



DISKRIMINASI DAN GANGGUAN SEKSUAL

Hindarkan tajuk yang sensitif dan apa jua perkara yang mungkin menyebabkan ketidakselesaan.

DASAR PENYAHAKTIFAN RAKAN PEMANDU UBER

Uber komited dalam usahanya untuk mengekalkan persekitaran yang selamat dan saling menghormati dalam kalangan masyarakat yang menggunakan app Uber. Garis panduan komuniti kami merincikan piawaian tingkah laku yang diharapkan daripada penumpang dan juga rakan pemandu.

Seseorang penumpang atau rakan pemandu yang melanggar kod tingkah laku Uber mungkin dihalang daripada menggunakan Uber secara sementara atau berkekalan. Keputusan akan dibuat sebahagiannya berdasarkan tahap keseriusan pelanggaran yang dilakukan. Untuk melihat senarai rinci tingkah laku yang mungkin membawa kepada penyahaktifan akaun pemandu, sila kunjungi t.uber.com/deactivationpolicy

d. tab ACCOUNTS

MASUKKAN DATA KE AKAUN UBER PERIBADI ANDA



Bayaran

Isnin	Selasa	Rabu	Khamis	Jumaat	Sabtu	Ahad
0400 Minggu bayaran bermula						
0359 Minggu bayaran berakhir	1000 Penyata bayaran tersedia			2359 Bayaran dikreditkan ke akaun		

KITARAN BAYARAN

Bayaran dibuat secara mingguan, mulai Isnin 0400 hingga Isnin 0359

PENYATA BAYARAN


Boleh diakses melalui partners.uber.com pada Selasa, 1000

BAYARAN KEPADA RAKAN PEMANDU


Bayaran dibuat secara mingguan pada Jumaat, 2359, dimasukkan terus ke dalam akaun bank yang anda hasratkan.

JENIS INSENTIF RAKAN PEMANDU


PUSUAN & RANGSANGAN PENDAPATAN



**HARGA
PUSUAN**



**LOKASI
RANGSANGAN**



**INSENTIF
MINGGUAN**

HARGA PUSUAN (SURGE PRICING)


Harga pusuan berlaku apabila permintaan penumpang adalah amat tinggi. Harga tambang lazimnya akan meningkat pada waktu ini untuk menggalakkan lebih ramai pemandu berada di jalan raya. Lebih pekat warna merah, lebih tinggi peningkatan tambang.

RANGSANGAN PENDAPATAN (EARNINGS BOOST)*

Kawasan-kawasan Rangsangan Pendapatan merupakan kawasan yang mencatat permintaan yang amat tinggi hingga mendorong kami menjamin harga tambang yang lebih tinggi. Insentif dikemas kini secara mingguan dan boleh dipantau dalam App Uber Driver.

JAMINAN SETIAP JAM

Insentif Rakan-Pemandu Langkawi




JAMINAN SETIAP JAM*

Jaminan setiap jam ialah tambang setiap jam yang kami jamin untuk anda, dengan syarat anda memenuhi keperluan tertentu. Contoh: Jika kami menjamin anda sebanyak RM20 setiap jam tambang kasar, tetapi anda hanya memperoleh RM15 setiap jam tambang kasar, kami akan menambahkan perbezaan RM5.

Keperluan lazim untuk anda melayakkan diri bagi Jaminan Setiap Jam termasuklah:

- Kadar Penerimaan
- Mengekalkan Penarafan Pemandu yang Tinggi
- Memandu di Kawasan Permintaan Tinggi (Kawasan Perkhidmatan Teras)



INSENTIF MINGGUAN

*Bandar yang berbeza mempunyai jenis insentif rakan pemandu yang berbeza.

Sesetengah bandar mempunyai Rangsangan Pendapatan (Earnings Boost) manakala sesetengah bandar lain mempunyai Jaminan Setiap Jam. Walau bagaimanapun, semua bandar mempunyai pusingan (surge).

Tip & Nasihat Keselamatan



PASTIKAN ANDA SENTIASA MEMPUNYAI REHAT YANG CUKUP.
JANGAN MEMANDU KETIKA ANDA KELETIHAN



PAKAI TALI PINGGANG KELEDAR PADA SETIAP MASA



GUNAKAN PEMEGANG TELEFON KETIKA MEMANDU



MEMANDU DALAM BATASAN & PERATURAN UNDANG-UNDANG



GUNAKAN LOKASI PENGAMBILAN/PENURUNAN PENUMPANG
YANG SAH

Sokongan



Telefon Kami

1800-818-459



Bertemu Terus dengan Kami

Kunjungi kami di Uber Green Light Hub (GLH) bagi apa-apa pertanyaan berkaitan dengan Rakan Uber. Temui kami di <http://t.uber.com/myglh>



BANTUAN DALAM APP (IN-APP)

Tulis terus dalam app sebarang isu-isu berkaitan dengan perjalanan



help.uber.com

Tulis di sini untuk hal-hal lain

PAUTAN BERGUNA

<http://t.uber.com/myresources>

Maklumat terkini (tutorial, insentif, rujukan, promosi, faedah istimewa)

partners.uber.com

Maklumat profil, penyata bayaran, penambahan kenderaan/muat naik dokumen, perubahan maklumat perbankan

vault.uber.com

Pengemaskinian maklumat perbankan

Penambahan Kendaraan



Pengemaskinian Butiran Bank

Langkah 1

Kunjungi vault.uber.com

Langkah 2

Pilih Add/Edit

Langkah 3

Add/Edit butiran perbankan

Kod cawangan

Sentiasa pastikan kod cawangan adalah tepat atau bayaran anda tidak akan diproses

Maybank

Full Name: Azri bin Ali

Eg. Acc no: **XXXXXXXXXX40**

Branch City: Kuala Lumpur

Beri perhatian kepada

- Butiran peribadi yang diisikan hendaklah sama dengan butiran akaun bank
- Butiran diedit pada Isnin/Selasa akan menyebabkan kelewatan pindahan bank ke minggu berikutnya

SOALAN LAZIM



TAMBANG TETAP

Penumpang dimaklumkan tentang tambang penuh sesuatu perjalanan sebelum mereka memohon perjalanan, dan ini termasuklah apa-apa pusingan (surge) dan juga tol. Tiada pengiraan, tiada kejutan, tambang adalah seperti yang dijangkakan.

Tambang perjalanan uberX dicaj terlebih dahulu, berdasarkan jarak keseluruhan dan masa yang diambil untuk bergerak dari lokasi pengambilan penumpang ke destinasi yang dimasukkan.



MASA MENUNGGU

uberX

- Bergantung pada budi bicara rakan pemandu
- Masa menunggu yang disyorkan ialah maksimum 5-10 minit

Anda hendaklah sentiasa cuba menelefon/mengirimkan mesej kepada penumpang untuk mengetahui lokasi sebenar mereka. Anda boleh membatalkan perjalanan dan memilih alasan sebagai 'RIDER NO-SHOW' (PENUMPANG TIDAK HADIR) jika mereka tidak muncul selepas tempoh masa yang ditetapkan.



LANJUTAN TENTANG PERJALANAN TUNAI

- Di samping kad kredit/debit, penumpang mempunyai keflexibelan untuk membayar dengan tunai
- Penumpang dimaklumkan tentang jumlah penuh tambang sesuatu perjalanan sebelum memohon sesebuah Uber – jumlah ini kekal sama melainkan berlaku sesuatu perubahan terhadap destinasi
- Pastikan anda mempunyai tukaran kecil untuk perjalanan tunai bagi mengelakkan situasi anda tidak mempunyai tukaran secukupnya untuk penumpang.
- App anda akan menunjukkan kaedah pembayaran pada akhir perjalanan. Anda hendaklah mengutip jumlah penuh tambang yang ditunjukkan pada app.

Contoh 1: Jika app anda menunjukkan RM10 tetapi penumpang menjelaskan promo RM5 telah ditambahkan, berapakah yang sewajarnya saya kutip?

Anda hendaklah mengutip RM10. Maklumkan penumpang jika terdapat pertikaian terhadap bayaran, mereka hendaklah menghantar pertanyaan mereka kepada sokongan Uber melalui bantuan dalam app (in-app)

Anda hendaklah sentiasa mengutip jumlah yang dicatat dalam app, jika terdapat promo penumpang dan tambang anda lebih rendah daripada jangkaan, Uber akan menambah bakinya dan ini akan ditunjukkan dalam penyata bayaran anda.

Contoh 2: Jika app saya menunjukkan bahawa saya perlu mengutip RM15, tetapi penumpang menyatakan dia sepatutnya membayar RM10, berapakah jumlah yang patut saya kutip?

Anda hendak memaklumkan penumpang dengan santun bahawa jumlah akhir yang akan dikutip ialah jumlah yang dipaparkan pada app anda (skrin hijau), perbezaan RM5 berlaku disebabkan oleh fi pembatalan sebelumnya yang telah dicajkan ke atas penumpang itu. Bagi pertikaian terhadap bayaran, penumpang hendaklah digalakkan mengajukan pertanyaan mereka kepada sokongan Uber (Uber support) melalui bantuan dalam app.



KEMALANGAN

LANGKAH 1

Pastikan penumpang yang berada dalam kenderaan anda adalah selamat

Lengkapkan perjalanan dan nasihati penumpang anda untuk menempah Uber yang lain

LANGKAH 2

Ketika kemalangan berlaku

Buat panggilan kepada khidmat kecemasan dan juga khidmat penundaan khusus

STEP 3

Siapakah yang perlu kita maklumkan?

Maklumkan Uber melalui bantuan dalam app (in-app) (sila berikan sebanyak mungkin maklumat), dan juga syarikat sewaan/insurans anda masing-masing.



BARANG YANG HILANG DAN DIJUMPAI (LOST & FOUND)

Langkah 1: Bantuan In-app

Bantuan -> Pilih perjalanan -> Saya menjumpai satu item -> -> Isi tempat kosong yang diperlukan sewajarnya

Nota: Kami akan membantu anda berhubung dengan penumpang untuk anda berdua mengaturkan masa dan tempat yang selesa bagi kedua-dua pihak untuk pemulangan item tersebut. Dalam tempoh 48 jam yang berikutnya, penumpang mungkin menghubungi anda secara terus untuk mendapatkan kembali item yang hilang.

LANGKAH 2: 2: Kirimkan item yang hilang itu ke UberGLH

Jika penumpang belum lagi menghubungi anda, sila pulangkan sendiri item yang hilang itu ke UberGLH dalam tempoh 48 jam.

